

**PEMURNIAN TAUHID DI TURKI: ANALISIS TERHADAP  
USAHA BADIUZZAMAN SAID NURSI**  
*Purification of Tawhid in Turkey: An Analysis of Badiuzzaman  
Said Nursi's Efforts*

<sup>1</sup>MUHAMMAD SUHAIB AHMAD ZAHIR

<sup>2</sup>MOHD FARID MOHD SHARIF

*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia*

*'suhaibpemuda@gmail.com; 2faridusm@usm.my*

*Tarikh dihantar: 15 November 2020/ Tarikh diterima: 29 Disember 2020*

**Abstrak** Artikel ini membincang dan memperkenalkan usaha pemurnian yang dilakukan oleh Badiuzzaman Said Nursi (1877–1960 M) mendepani permasalahan yang timbul dalam masyarakat Islam di Turki pada awal abad ke-20. Kesan daripada penyerapan nilai dan pengaruh pemikiran luar ketulenan Islam ini telah berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat dalam aspek kepercayaan dan amalan beragama. Justeru, Said Nursi telah menawarkan penyelesaian kepada permasalahan yang timbul ini dengan melaksanakan langkah pemurnian terhadap tauhid dalam masyarakat. Dengan kata lain, artikel ini merupakan analisis usaha Said Nursi terhadap pemurnian tauhid dalam melaksanakan tuntutan dakwah di Turki. Bagi mencapai tujuan tersebut, metode analisis sejarah akan digunakan untuk membincangkan usaha Said Nursi dan mengemukakan penelitian kritikal terhadap usahanya menyelamatkan tauhid umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Hasil daripada analisis ini akan memperlihatkan bahawa Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang tokoh dakwah yang memberi sumbangan terhadap pemurnian tauhid dalam dunia Islam di samping boleh digunakan sebagai sebuah garis panduan kepada para agamawan, pendakwah dan penyelidik mengetengahkan pemurnian tauhid sebagai usaha dakwah yang penting terhadap masyarakat pada hari ini.

**Kata kunci:** Dakwah, pemurnian tauhid, pemikiran Islam, *Risalah al-Nur*, Said Nursi.

**Abstract** *This article discusses and introduces the efforts of Tawhid purification undertaken by Badiuzzaman Said Nursi (1877–1960 AD) to address emergent problems within the Turkish Muslim community in early 20th century whereby the absorption of values and thought outside the authenticity of Islam had successfully influenced society thinking in terms of religious beliefs and practices. Said Nursi therefore offered a solution to this problem by implementing measures to purify tawhid in society. This article analyses his efforts in tawhid purification in the implementation of da'wah dictates in Turkey. To achieve this goal, the historical analysis method is utilised to discuss the efforts of Said Nursi and present critical examination of his efforts to save the tawhid of Muslims and ensure they return to the true teachings of Islam. The results of this analysis highlight Badiuzzaman Said Nursi as a da'wah figure who contributed to tawhid purification in the Islamic world. The findings at the same time could be used as guidelines for the religious, preachers and researchers to propose tawhid purification as an important da'wah effort in society today.*

**Keywords:** *Da'wah, tawhid purification, Islamic thought, Risalah al-Nur, Said Nursi.*

## PENDAHULUAN

Kemunculan Badiuzzaman Said Nursi (m. 1960 M) pada hujung abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20 telah memberi sumbangan besar kepada dunia Islam khususnya di Turki dalam usaha menyelamatkan pegangan akidah umat, kesan daripada perubahan landskap politik dunia Islam. Menurut Alkan (2016), peristiwa penggulingan Sultan Abdul Hamid II (m. 1909 M) ke tangan gerakan (Turki Muda) yang menginginkan pembentukan Turki baharu bermodelkan Barat telah memberi kesan kepada campur tangan kuasa asing seperti Itali, Armenia, Yunani termasuk Istanbul pada ketika itu telah pun berada di bawah penguasaan Inggeris. Hal ini sekali gus memberi gambaran terhadap usaha yang dilakukan oleh sultan tersebut selama 30 tahun dalam mempertahankan kedaulatan Islam tidak berhasil. Keadaan bertambah parah apabila Sir William Ewart Gladstone (m. 1898 M, perdana menteri Great Britain pada 1868–1894 M<sup>1</sup>) yang mencadangkan dalam sebuah persidangan parlimen agar umat Islam harus dijauhkan

daripada pedoman al-Quran, “Selama al-Quran ini berada di tangan kaum Muslimin (orang-orang Islam), kita tidak akan pernah mampu menguasai mereka. Dengan demikian, kita harus melenyapkannya dari mereka atau memutuskan hubungan mereka dengannya” (Alkan, 2016: 41; Yildizeli, 2016: 24)<sup>2</sup>. Apabila kenyataan beliau ini sampai kepada Said Nursi, maka Said Nursi terus memberi respons dengan berkata, “Sungguh aku akan menunjukkan pada dunia bahawa al-Quran adalah matahari yang tidak akan redup sinarnya dan tidak mungkin pada cahayanya” (Alkan, 2016: 41). Peristiwa seterusnya yang turut dilihat telah menjejaskan kepercayaan akidah umat Islam di Turki ialah perubahan sistem politik Turki daripada sistem khalifah kepada sistem republik di bawah kepimpinan Mustafa Kamal (Attartuk) (m. 1938 M, presiden pertama Republik Turki pada 1923–1938 M<sup>3</sup>). Peralihan kuasa tersebut boleh dianggap telah menandakan berakhirnya sistem pemerintahan khalifah. Antara perubahan utama yang dibawa oleh pemerintahan baharu ialah penggantian undang-undang Islam kepada undang-undang Swiss (Barat), memperkenalkan huruf Latin dan penggunaan bahasa Turki sebagai gantian kepada bahasa Arab termasuk dalam laungan azan seperti yang dinyatakan oleh Khalis dan Roslan (2018).

Menurut Hasrul, Muhammad Rashidi dan Mohd Shaifulbahri (2018), penerapan nilai-nilai pemikiran yang bertentangan dengan Islam telah berkembang dengan luas ketika era pemerintahan Parti Republikan Rakyat pada tahun 1923 hingga 1949 M. Pada waktu tersebut, sebahagian golongan dalam masyarakat telah mengambil kesempatan untuk menyebarkan pengaruh pemikiran ateisme dan komunisme di Turki. Keadaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan kecenderungan dalam masyarakat Turki untuk lebih meneladani budaya Barat daripada memahami budaya Islam yang sebenar. Jika disoroti pandangan sarjana seperti al-Attas dalam buku, *Islam dan Sekularisme* (Al-Attas, 2020), hal ini merupakan kesan lanjutan daripada penjajahan dan penguasaan budaya ke atas dunia Islam yang telah bermula sejak abad ke-17. Impaknya, Barat berjaya menanamkan pancaran pandangan alamnya (*worldview*) terhadap pemikiran orang Islam dan seterusnya menguasai pemikirannya.

Melihat kepada permasalahan tersebut, Said Nursi telah mengambil langkah proaktif menyelamatkan akidah dengan memperkuat keimanan umat Islam (Alkan, 2016). Justeru, Said Nursi dalam pidato perdananya di bumi Syam pada tahun 1911 M telah menyatakan terdapat tiga rangkaian permasalahan utama sosial yang berlaku dalam masyarakat sehingga menimbulkan permasalahan tauhid ini iaitu kejahilan, keadaan mendesak dan perselisihan. Hal ini kerana punca umat menentang syariat menurutnya adalah kerana wujudnya kejahilan dalam diri, manakala kelompongan pada keperibadian dan muamalah (perhubungan sosial) berpunca daripada keadaan yang mendesak. Ada pun faktor timbulnya perselisihan kerana adanya kepentingan diri dan kemunafikan (Nursi, 2014a). Walaupun Said Nursi menghadapi keterbatasan sosial kerana banyak masanya dihabiskan dalam pembuangan dan penjara, tetapi beliau tidak menjadikan ia halangan daripada melaksanakan tuntutan dakwah terhadap tauhid dengan penulisan *Risalah al-Nur* (Hasrul *et al.*, 2018). Menurut Wan Rashidah (2015), karya tersebut telah berfungsi sebagai sumber bimbingan kepada masyarakat Islam agar kembali berpegang teguh kepada ajaran al-Quran secara bersepadu antara aspek dunia dan akhirat.

Berpandukan kepada pengamatan sorotan di atas, dapat difahami bahawa umat Islam khususnya di Turki telah menghadapi kepincangan teologi. Oleh kerana Said Nursi dilihat sebagai seorang pendakwah yang telah membawa impak besar di Turki pada abad ke-20 M terutamanya dalam menyelamatkan iman umat Islam, penulis menyifatkan usaha tersebut sebagai salah satu usaha dakwah dalam menjaga kesucian dan syariat Islam atau dengan kata lainnya pemurnian tauhid. Sebelum artikel ini menganalisis usaha Said Nursi dalam pemurnian tauhid, adalah penting juga untuk mengetahui terlebih dahulu maksud sebenar istilah ‘pemurnian’ yang digunakan dalam tajuk artikel ini. Menurut Sakinah dan Azwira (2011: 484-485), pemurnian atau dalam bahasa Arab ialah *al-tafsiyah* mempunyai empat maksud, “pertama, mensucikan agama Islam dari sudut akidah, syariat dan akhlak dari perkara-perkara yang asing atau selainnya (bukan dari Islam); kedua, penyucian Islam dari perkara-perkara yang bukan darinya dalam bab akidah, hukum-hakam (syariat) dan akhlak supaya ia kembali bersinar sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad; ketiga, pemurnian Islam dari apa yang asing atau jauh darinya dalam segala bidang;

dan keempat, memurnikan ilmu-ilmu syariat daripada apa yang berkaitan dengannya dari ijtihad-ijtihad yang salah yang diperoleh dari dalil-dalil yang tidak thabit atau dalil-dalil yang tidak jelas.”

Melalui paparan isu seperti di atas tadi, penulis melihat wajar dan perlu untuk menjelaskan juga perkembangan pemikiran Islam yang berlaku sepanjang lipatan sejarah umat Islam sehingga era kejatuhan pemerintahan Uthmaniyah di Turki sebagai satu latar belakang yang signifikan untuk menganalisis usaha pemurnian tauhid yang dilaksanakan oleh Said Nursi.

## METODOLOGI

Kajian ini menggariskan dua objektif utama iaitu: i) mengkaji aspek permasalahan tauhid dalam perkembangan pemikiran Islam; dan ii) mengenal pasti usaha pemurnian tauhid yang dilakukan oleh Said Nursi di Turki. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian teks. Bagi metode pengumpulan data, penulis menggunakan metode kajian kepustakaan dan metode dokumentasi, di mana data-data yang diperoleh adalah dari sumber primer (seperti himpunan kitab *Risalah al-Nur*) mahupun sumber sekunder (merangkumi kajian-kajian yang dilakukan berhubung pemurnian tauhid, iaitu dalam bentuk buku dan artikel jurnal). Seterusnya, metode analisis kandungan dijalankan secara berobjektif ke atas data-data yang diperoleh berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan.

## DAPATAN KAJIAN

### **Aspek Permasalahan Tauhid dalam Perkembangan Pemikiran Islam**

Sejarah pemikiran Islam telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW (570–623 M). Fasa Makkah (570–622 M) merupakan fasa dakwah Baginda kepada isu akidah (teologi), manakala fasa Madinah (622–632 M) merupakan fasa dakwah yang lebih luas mencakupi akidah, ibadah, politik dan ketenteraan. Sepanjang tempoh pemerintahan Islam yang dimulai oleh nabi kemudian diteruskan oleh empat orang khalifah Islam utama

(Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali) pada tahun 632–661 M, sehinggalah pemerintahan dinasti yang dimulai oleh Umayyah (661–750 M), Abbasiyah (750–1517 M) dan Uthmaniyah (1453–1923 M), pemikiran dan teologi umat Islam dapat dibahagikan kepada beberapa bentuk; pertama, terdiri daripada aliran Sunni; kedua, pengaruh aliran Syiah; dan ketiga, pengaruh orang Greek dan Rom seperti Plato (428–348 SM), Aristotle (384–322 SM) dan Plotins (270–204 SM). Selain itu, ajaran ilmu tasawuf turut menyumbang kepada pembentukan pemikiran umat Islam (Makmor, 2019).

Faktor yang mendorong penerimaan pengaruh falsafah Greek dan Rom adalah kerana wujudnya persamaan unsur kepercayaan seperti percaya kepada kewujudan Tuhan yang satu. Namun, sikap radikal dalam pemikiran falsafah telah membawa kecenderungan ke arah rasionalisme dan humanisme dengan kepercayaan ilmu ketuhanan, termasuk alam ghaib mampu dicapai tanpa keperluan wahyu. Antara ahli falsafah Islam yang terpengaruh ialah al-Farabi (872–950 M), Ibnu Sina (980–1037 M), Ibnu Miskawayh (932–1030 M), Ibnu Bajjah (1095–1138 M), Ibnu Tufail (1105–1185 M) dan Ibnu Rusyd (1126–1198 M) yang turut terpengaruh dengan doktrin sebegini (Makmor, 2019). Oleh hal yang demikian, terdapat kewajaran Said Nursi berpandangan bahawa ahli falsafah seperti Plato dan Aristotle termasuk Ibnu Sina dan al-Farabi pada hakikatnya tidak berjaya mencari jalan penghubung dalam mencapai cita-cita dan matlamat mereka melainkan terpesona dengan kata-kata manis. Namun pada sudut lain, Said Nursi tidak menafikan keilmuan ahli falsafah (ini) kerana mereka telah menyumbang kepada perkembangan sains (ilmu pengetahuan) melalui penelitian terhadap alam, namun pada Said Nursi mereka ini pada hakikatnya ketinggalan daripada sains Ilahi (sains dari sudut pandang akhirat) (Muaz *et al.*, 2018).

Perkembangan ajaran ilmu tasawuf pula menurut William Jones<sup>4</sup> seperti yang dinyatakan oleh Syamsuddin Arif terdiri daripada lima teori. Pertama, tasawuf berasal daripada produk picisan kesan daripada pertembungan antara tradisi dan agama yang lebih lama seperti didakwa oleh Margaret Smith. Kedua, tasawuf berasal daripada ajaran Upanishad dan Vedanta dalam Hinduisme seperti yang didakwa oleh Alfred Von Kremer, R.C. Zaehner dan Max Horten kerana terdapat persamaan unsur antara

tasawuf dan Hinduisme-Buddhisme seperti penolakan kenikmatan dunia, kehidupan berbentuk sederhana dan perasaan berdosa. Ketiga, tasawuf berasal daripada Yunani Kuno seperti yang didakwa oleh R.A. Nicholson bahawa terdapat kaitan mistik dengan Aristotelianisme dan Neo Platoisme, sebuah sintesis pemikiran Plato dan Aristotle. Keempat, tasawuf berasal daripada tradisi Parsi kuno kerana terdapat pertembungan kebudayaan ketika Islam muncul di sana, sekali gus memperlihatkan beberapa tokoh berasal dari Parsi seperti Muhammad Iqbal dengan mendakwa tasawuf adalah perkembangan sikap beragama dan cara masyarakat dalam menterjemahkan keyakinan yang terpendam dalam rangka menghidupkan kembali Zoroastrianisme, Manicheanisme dan Mazdaisme. Kelima, tasawuf berasal daripada semua unsur teori termasuk unsur Islam. Walau bagaimanapun, Fazlur Rahman berpandangan tasawuf berasal daripada ajaran Islam, sekali gus menyangkal teori yang dikemukakan oleh Jones tersebut yang berkait dengan unsur-unsur batin manusia (kerohanian) seperti yang dilakukan oleh nabi (Muhammad) dan generasi awal Islam sebelum berlakunya perkembangan teori dan pengamalan pada zaman seterusnya. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan wujudnya pengaruh unsur kebudayaan luar seperti Syiah dalam konsep ini (Ismail, 2020). Hal ini dikukuhkan lagi dengan pandangan tegas oleh Asrie (2018) bahawa hubungan Syiah dalam tasawuf adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana padanya terdapat bukti-bukti kukuh seperti doktrin *Tasyayyu'* (berlebihan terhadap Ahlu al-Bait dan bersikap *ghuluww*) terhadap imam spiritual mereka.

Tasawuf pada peringkat awalnya didorong oleh generasi awal Islam iaitu nabi, sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* pada abad pertama hijrah. Ia kemudiannya diteruskan oleh ulama-ulama pada abad ke-2 H dengan gelaran *al-zahid* seperti Abu Abd Rabb al-Dimsiqi al-Zahid (m. 112 H), Abu Abdillah al-Kufi al-Zahid (m. sebelum 120 H), Abu Yahya al-Bishri al-Zahid (m. 130 H) dan lain-lain dan tasawuf mula berkembang pesat pada abad ke-3 H dengan gelaran *al-Shufi* seperti Abu Ja'far al-Kufi al-Sufi al-Abid (m. 264 H), Abu Bakr al-Anmathi al-Sufi al-Hafiz (m. 271 H) dan sebagainya. Peringkat seterusnya, pada abad ke-6 dan 7 H, tasawuf mula diperkenal melalui tarekat oleh Ahmad al-Rifa'i (m. 570 H), 'Abd al-Qadir al-Jailani (m. 651 H), Abu al-Sazzli (m. 656 H) dan lain-lain dan pada masa yang sama juga, tasawuf filsafat atau falsafi turut dibentuk pada abad ke-6

H oleh al-Syuhrawardi al-Maqtul (m. 549 H), Muhyidin Ibn ‘Arabi (m. 638 H) dan lain-lain (Suhayib, 2013).

Pada al-Attas, tasawuf berasal daripada kata dasar *sufi* yang merujuk kata *suf* atau wol<sup>5</sup> sebagai simbol kemurnian. Antara tokoh tasawuf yang disebutkan ialah Salman al-Farisi, seorang sahabat nabi pencari kebenaran dari Parsi. Sebelum memeluk Islam, Salman pernah menjadi seorang Zoroaster dan Kristian. Al-Attas turut meletakkan Salman sebagai pelopor tarekat sebelum munculnya generasi tarekat rohani. Selain itu, tokoh sufi daripada kalangan tabi’in ialah Hasan al-Basri (Ismail, 2020). Oleh itu, al-Attas simpulkan tasawuf merujuk kepada beberapa maksud.

“Tasawuf adalah penzahiran ihsan dalam diri hamba; ia ibadah yang diperkuat dan diterangi oleh kearifan intelektual yang mengantarkan kepada pemahaman ruhaniah tentang realiti; tasawuf juga merupakan pengamalan syariah pada tingkat ihsan; ia dibangun di atas kepastian sebagaimana ia bersandarkan kepada hikmah dan ilmu laduni – kebijaksanaan dan ilmu ruhaniah yang dianugerahkan oleh Allah kepada sesiapa sahaja yang terpilih di antara hamba-Nya” (Al-Attas, 2020: 153–154).

Selain itu, impak perselisihan yang berlaku antara Mu’awiyah bin Abu Sufian dan Ali bin Abi Talib sejak tahun 40 H telah membawa kepada perpecahan antara umat Islam kepada beberapa kumpulan yang mengeksploitasi dalil al-Quran dan hadis untuk kepentingan ideologi dan pemikiran kumpulan masing-masing. Susulan daripada insiden perpecahan ini, muncul kumpulan yang telah cuba memahami maksud al-Quran dan hadis dengan menggunakan metode yang tidak tepat dan mereka juga banyak menggunakan akal rasional dalam memberi interpretasi kepada nas-nas al-Quran dan hadis ke satu tahap mencipta hadis palsu. Penciptaan hadis palsu ini dilakukan oleh mereka untuk mempengaruhi masyarakat (Sakinah & Azwira, 2011).

Peristiwa tersebut secara tidak langsung telah membuka ruang terhadap perkembangan aliran yang mengutamakan rasionalisme dalam perbahasan ilmu agama seperti Muktazilah yang dipelopori oleh Abu Huzaifah Wasil bin ‘Ata (80–131 H) yang meletak kewibawaan akal berbanding al-Quran dan al-Hadith (Aizam, 2013). Pengaruh pemikiran



tersebut ketika di bawah pimpinan khalifah al-Makmun (786–833 M) sebagai pemerintah Abbasiyah telah berjaya mempengaruhi pemikiran umat Islam. Kemuncak kepada perkembangan tersebut adalah dengan menentukan sama ada al-Quran itu makhluk atau sebaliknya (Makmor, 2019). Hal ini bertepatan dengan Asrie (2018), era pemerintahan al-Makmun merupakan kemuncak kepada gerakan-gerakan menyeleweng dalam akidah kerana telah berada pada tahap berjaya mendapat sokongan dan dokongan khalifah. Hal ini disebabkan beberapa faktor seperti pengaruh Syiah dan falsafah amat memberi kesan kepada pemikiran khalifah tersebut di samping usaha menterjemahkan kitab-kitab falsafah secara meluas pada pemerintahannya sehinggakan menjadi fokus yang utama. Kesannya, doktrin Muktazilah semakin menyerlah.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pemikiran Islam pada dasarnya adalah berpandukan ajaran yang dipimpin oleh Nabi Muhammad. Namun, pengaruh luar dari Islam dan kepelbagaian jalan memahami agama telah mewujudkan perbahasan tentang ketuhanan dan agama secara berbeza hingga mendorong berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam. Oleh itu, perbahasan tentang teologi Islam menurut Said Nursi seharusnya tidak terletak pada ikutan tanpa pengetahuan. Katanya, “Iman bukanlah sesuatu yang berlandaskan taqlid buta. Iman mesti terdiri dari ilmu atau akal dan hati. Iman menggabungkan penerimaan dan penegasan akal dan pengalaman serta penyerahan hati” (Alkan, 2016: 40). Atas faktor ini, penulis telah membahagikan skop pemurnian tauhid dengan merujuk empat aspek utama dalam perkembangan pemikiran umat Islam iaitu falsafah radikal, tasawuf melampau, bidaah dan perselisihan. Berikut adalah perbincangan usaha pemurnian Said Nursi terhadap isu tersebut.

## PEMURNIAN TAUHID BADIUZZAMAN SAID NURSI

### **Penolakan terhadap Falsafah Radikal**

Pengaruh falsafah terhadap pemikiran umat Islam tidak dapat disangkal lagi berpandukan sejarah perkembangan pemikiran Islam. Seperti yang dinyatakan pada perbincangan sebelum ini, teologi umat Islam tidak terlepas

daripada pengaruh Greek dan Rom seperti Plato dan Aristotle sehingga membentuk sebuah falsafah radikal dalam agama. Ia juga turut dikenali sebagai aliran ‘tasawuf falsafi’. Hal ini berpandukan pandangan Ismail al-‘Alam (2020) yang menyatakan tasawuf terbahagi kepada tiga bentuk iaitu tasawuf akhlaki, tasawuf amali dan tasawuf falsafi. Menurutnya, tasawuf akhlaki merupakan landasan dan pengamalan tasawuf tradisi pemikiran Islam bertujuan memperbaiki akhlak (peribadi) sebagai persediaan melibatkan diri dalam urusan dunia. Antara tokoh dalam tasawuf ini ialah Hasan al-Basri, al-Muhaisabi, Junaid al-Baghdadi, al-Kharraz dan Imam al-Ghazali. Tasawuf amali pula merujuk kepada ciri pengamalan, sama ada individu mahupun kumpulan melalui pimpinan dan bimbingan seorang guru atau lebih dikenali sebagai tarekat. Rumus ritual dan zikir yang disediakan oleh pengasas dan guru mereka akan diamalkan oleh para pengikut tasawuf ini seperti zikir, syair, nyanyian dan irama bunyi alat muzik tertentu. Antara tokoh pada tasawuf ini ialah ‘Abd al-Qadir al-Jailani (pelopor tarekat Qadiriyyah, pewaris kemudiannya telah menambahkan unsur seni dalam ritual), Abu Hasan al-Syadzili (pelopor tarekat Syadziliyyah, antara pengikutnya ialah Ibn Atha’illah as-Sarkandari), Jalauddin Rumi (pelopor tarekat Maulawiyah yang terkenal dengan pengikut menari secara berpusing), Bahauddin (pelopor tarekat Naqsyabandiyah, antara pengikutnya ialah Ahmad Sirhindi dari India) dan Syeikh Ahmad Khatib Sambas (pelopor Qadiriyyah Naqsyabandiyah, tarekat yang menyepadukan unsur tarekat Qadiriyyah dan Naqsyabandiyah). Tasawuf falsafi pula merupakan satu usaha daripada tradisi pemikiran Islam termasuk para sufi yang memberikan pengamatan kerohanian sebagai sebuah perbincangan falsafah seperti perbincangan tentang *Wujida* (wujud) dan *Wahdat al-Wujud* (kesatuan wujud)<sup>6</sup>. Antara tokoh penting dalam tasawuf bentuk ini ialah Ibn Arabi, Suhrawardi dan Mulla Sadra.

Respons Said Nursi terhadap falsafah radikal ini dapat dikait dengan pandangannya terhadap pemikiran falsafah Islam yang kontroversi, terutamanya yang berkaitan dengan konsep *Wahdat al-Wujud* seperti Ibn ‘Arabi (1165–1240 M) seperti yang terdapat dalam kitab *al-Maktubat* dan *al-Lama’at* daripada *Risalah al-Nur*. Komentarnya, “Wahai saudaraku, ketahuilah bahawa Muhyiddin Ibn Arabi tidak ditipu, tetapi dia ditipu. Beliau adalah orang yang mendapat petunjuk, tetapi tidak dapat memberikan

petunjuk kepada orang lain dalam setiap tulisannya. Apa yang dilihatnya benar bukan seperti yang dilihatnya” (Nursi, 2018: 71). Menurut Faiz dan Ibnor (2016), Said Nursi telah meletakkan Ibn Arabi sebagai seorang ulama yang terpedaya namun bukan seorang pendusta. Ajarannya pula hanya untuk dirinya bukan untuk disebarkan kerana pada terdapat bahaya yang boleh menyesatkan umat Islam.

Ketika membahaskan berkaitan fahaman *Wahdat al-Wujud*, Said Nursi menyatakan bahawa jalan tersebut bukan satu jalan yang sempurna akan tetapi satu-satunya jalan (ketuhanan) yang lurus adalah dengan mengikuti jalan para sahabat dan tabi’in (Nursi, 2017). Said Nursi jelas meyakini bahawa jalan ketuhanan yang lurus hanya melalui manhaj al-Quran kerana padanya terdapat jalan yang pasti dan diyakini jika hendak dibandingkan dengan jalan-jalan ahli kalam. Menurutnya, ketidakmampuan ulama ahli kalam menjelaskan hakikat al-Quran adalah kerana mereka meletakkan keupayaan akal melebihi *naql* atau nas seperti yang dilakukan oleh golongan Muktazilah yang pada akhirnya membentuk cara faham ketuhanan yang rumit (Nursi, 2017; Nursi, 2014c). Perumpamaannya,

“Untuk mendapatkan air, seseorang membawanya melalui paip dari tempat yang jauh yang digali di kaki gunung. Sementara itu, mereka yang menemui air di tempat mereka menggali sambil menumpahkannya di mana sahaja mereka berada. Yang pertama adalah melalui jalan yang curam dan panjang. Tidak ketinggalan bahawa aliran air dapat tersekat atau terputus di tengah jalan. Sementara itu (jalan al-Quran), mereka yang menggali sumur mendapat air di mana sahaja mereka berada tanpa mengalami kesulitan dan keletihan yang ketara.” (Nursi, 2017: 574)

Tegasnya lagi, jalan tersebut terdapat bahaya dan kesan yang boleh menjejaskan permasalahan rukun iman umat Islam. Atas faktor itu, tidak didapati dari Khulafa al-Rasyidin (khalifah empat utama), para imam mujtahid sehingga ulama daripada Salaf al-Salih yang melalui jalan tersebut (Nursi, 2017). Dalam kitab al-Lama’at daripada *Risalah al-Nur*, Said Nursi telah menyenaraikan tiga kesan besar dan bahaya apabila fahaman ini disebarkan. Pertama, fahaman ini seolah menafikan eksistensi (kewujudan) seluruh yang berada di hadapan wujud Allah. Kesannya, ia akan mendorong manusia yang bersifat material (kebendaan) mengingkari keberadaan Tuhan

dan meningkatkan pengagungan materialisme. Kedua, fahaman ini tegas menolak adanya sifat ketuhanan selain Allah, bahkan menafikan keberadaan selain-Nya dan menghapus dualisme. Kesan daripada ini adalah ia akan membawa manusia kesan mendorong melampaui batas. Ketiga, fahaman ini memandu pemikiran dan pandangan yang tidak sesuai dengan Zat Allah. Kesan daripada ini, muncul ajaran-ajaran yang menyimpang (sesat) (Nursi, 2018; Faiz & Ibnor, 2016).

Selain itu, Said Nursi turut mengkritik ahli falsafah Islam menafikan kewujudan dan keperluan nabi. Antara tokoh tersebut ialah al-Razi (865–925 M) dan Ibn al-Rawandi (827–911 M). Menurut al-Razi yang cenderung kepada pemikiran Muktazilah, jalan kenabian dalam kehidupan merupakan sesuatu yang tidak mendatangkan faedah. Menurut al-Razi juga, manusia tiada keperluan untuk memerlukannya dalam kehidupan, bahkan mendakwa jalan atau fahaman kenabianlah merupakan faktor berlakunya peperangan sejak zaman-berzaman. Tambahnya lagi, penggunaan akal sudah mencukupi dan mampu bagi seseorang memahami Tuhan dan perbezaan baik mahupun buruk. Begitu juga pada pemikiran Ibn al-Rawandi yang lebih radikal sehingga menjadikan perbincangan terhadap perkara ini dilihat lebih kontroversi. Menurutnya, kenabian adalah suatu isu yang tidak logik dan manusia hakikatnya tidak memerlukan wahyu. Hal ini berbeza dengan pemikiran Said Nursi yang melihat kenabian merupakan satu kepentingan kerana dunia memerlukan nabi untuk memimpin tugas khalifah yang diamanahkan oleh Allah SWT. Dalam perkara ini, Said Nursi tegas menentang pemikiran falsafah radikal ini walaupun bukan sezaman dengannya seperti teguran dalam jilid al-Maktubat (Muaz *et al.*, 2018). Hal ini tidak dapat dinafikan kerana sejarah telah menunjukkan pengaruh pemikiran Muktazilah<sup>7</sup> telah membuka ruang pertimbangan akal melalui rasionalisme dan humanisme dalam mempengaruhi pemikiran orang Islam seperti perbincangan sebelum ini.

### **Penolakan terhadap Tasawuf Melampau**

Selain daripada pengaruh falsafah, ajaran tasawuf turut memainkan peranan penting dalam pembentukan pemikiran Islam, termasuk tarekat yang merujuk kepada satu konsep pengamalan tasawuf berpandukan imam

spiritualnya atau digelar “syaikh”. Menurut Abdul Rahman (2019), ulama-ulama tasawuf dan tarekat mempunyai sumbangan kepada pembentukan masyarakat beragama pada zaman Uthmaniyah, bahkan terdapat juga sebahagiannya telah membentuk kebudayaan tradisi seperti tarian *sama*’ di Turki yang berasal daripada tarekat Mawlawiyah yang didirikan oleh tokoh sufi yang terkenal dan mendapat pengaruh luas Jalaluddin Rumi. Hal ini turut diakui sendiri oleh Said Nursi dalam *al-Maktubat* (2017) bahawa tarekat sufi telah membawa sumbangan dalam sejarah Islam sebagai benteng serangan daripada golongan musuh yang bercita-cita mahu memadamkan cahaya Islam. Dengan kekuatan iman, rohani dan kecintaan kepada Tuhan, mereka telah menyuburkan ketauhidan, sekali gus menjadi sumber kekuatan Islam. Oleh itu, perlu untuk menerimanya (sumbangan mereka) kerana mereka (antara faktor) pemerintahan Islam (Uthmaniyah) di Istanbul mampu dipertahankan selama 550 tahun daripada serangan dari Barat.

Berdasarkan pengamatan amalan tarekat, “syaikh” merupakan satu entiti penting yang berkedudukan kerana mempunyai ciri-ciri tertentu. Keistimewaan yang dimiliki oleh seorang “syaikh” telah mengangkat darjat sebagai pewaris nabi yang mewarisi ilmu, iman dan takwa. Namun, terdapat sebahagian ulama sufi yang ekstrem telah melarang seseorang murid untuk mengkritik “syaikh” walaupun jalan tersebut bertentangan dengan syariat (Shahriza & Hadzrullatfi, 2018). Kenyataan ini disokong oleh Ihsan Ilahi (2018) bahawa wujudnya tarekat sufi yang ekstrem telah menegah muridnya untuk tidak berbicara atau bertanya (argumentasi) berkaitan syariat dengan imam spiritual mereka, bahkan mendakwa diam adalah kewajiban (dalam tarekat).

Shahriza dan Hadzrullatfi (2018) dalam artikel berjudul “Tajdid dalam Pemikiran Sufi Menurut Badiuzzaman Said Nursi” menggolongkan Said Nursi sebagai seorang contoh tokoh sufi yang membawa pendekatan bebas terikat dengan “syaikh” dan menjadi “murid” secara langsung dengan Nabi Muhammad kerana meyakini cara tersebut mampu mencapai ciri kewalian yang paling tinggi, respons Said Nursi terhadap perkara ini ialah keterikatan seseorang dengan “syaikh” bukan syarat penting dalam mengenali Allah dan menjejaskan kefahaman mengenai-Nya. Hal ini hakikatnya telah menjadi pegangan beberapa ulama sufi yang lain seperti al-Junaid al-Baghdadi (835–

910 M) dan al-Muhasibi (781–857 M) yang berpandangan mengutamakan amalan kerohanian bersandarkan kepada Rasulullah dan tidak perlu terikat dengan “syaikh” secara melampau. Hal ini bertepatan dengan pendapat Faiz dan Ibnor (2016) dengan menyatakan Said Nursi berpandangan kaedah umum tasawuf yang sebenar dan satu-satunya jalan penghambaan kepada Allah yang lurus adalah dengan mengikuti jalan sahabat nabi, para tabi’in dan golongan soleh yang bersih akidahnya. Menurut Suhayib (2013) pula, Said Nursi telah memperkenalkan tasawuf pada dimensi baharu dengan konsep sufisme melalui jalan hakikat bukan tarekat. Dengan itu, tasawuf bukan lagi milik eksklusif pada golongan tertentu tetapi berstatus inklusif. Jalan tasawuf menurutnya merupakan sebuah perjalanan (tujuan dan jalan) dalam mencapai hakikat kebenaran dan hanya melalui jalan al-Quran yang mampu membawa kepada hakikat tersebut. Bagi menterjemahkan tasawuf tersebut, penulisan *Risalah al-Nur* merupakan cerminannya.

Dalam talwih ke-8 kitab al-Maktubat daripada *Risalah al-Nur* dinyatakan lapan bahaya jalan tarekat. Pertama, para pengamal tasawuf yang tidak mengikuti sunah nabi akan tergelincir pada keyakinan tingkatan kewalian (dalam tarekat) mampu menandingi martabat kenabian; kedua, sikap ekstrem mampu mendorong mereka untuk memuliakan para wali berbanding kemuliaan para sahabat nabi bahkan menganggap darjat (kewalian) mereka setanding dengan nabi; ketiga, sikap fanatik terhadap tarekat akan menganggap wirid tarekat lebih utama daripada zikir-zikir bersumberkan nabi; keempat, sikap berlebihan terhadap tarekat akan menganggap ilham setanding dengan wahyu; kelima, ahli sufi yang menjadikan tarekat sebagai tujuan dan bukan jalan akan memandu mereka kepada tarikan karamah sehinggakan wujud sikap mengutamakan karamah berbanding kewajipan agama dan amalannya; keenam, mereka yang keliru akan terdorong beranggapan bahawa mereka lebih mulia daripada para wali dan nabi; ketujuh, mereka yang riak, ujub dan mengharapkan penghargaan orang serta menjadi rujukan agama akan mendorong kepada perkara-perkara keduniaan berbanding kecintaan Allah; kelapan, mereka yang tergesa-gesa dan mengharapkan keuntungan dunia akan mendorong mereka mengharapkan kedudukan kewalian di dunia berbanding akhirat (Nursi, 2017). Tujuan ‘tarekat’ hakikatnya adalah untuk mengenali dan mencapai hakikat iman dan al-Quran melalui perjalanan rohani (Nursi, 2017).

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis menisbahkan jalan tarekat yang ditolak oleh Said Nursi sebagai tasawuf melampau. Hal ini demikian kerana jalan tersebut mempunyai kontradiksi (percanggahan) dengan manhaj al-Quran dan panduan oleh nabi, termasuklah berkaitan dengan keperluan hanya melalui individu yang dianggap imam spiritual satu-satunya jalan kefahaman menuju ketuhanan, bahkan darjat kewalian (kesufian) yang dianggap unsur penting dalam tarekat juga mampu membawa kepada kefahaman yang menyimpang sekiranya melebihi martabat (kedudukan) nabi dan para sahabat. Menurut Muaz (2018), pandangan Said Nursi ini dilihat seiring dengan pandangan ulama terdahulu seperti Imam Ghazali, Imam al-Sirhindi, Ibnu Taimiyah dan lain-lain. Pandangan mereka jelas menunjukkan darjat kenabian tidak boleh dicapai oleh sesiapa, termasuk para sahabat nabi (yang secara langsung berdamping dengan nabi) tambahan pula ahli sufi. Perkara yang lebih utama daripada amalan-amalan wirid dan akhlak tasawuf yang tiada sandaran atau dalil ini adalah dengan mengikuti sunah nabi.

### **Penolakan terhadap Amalan Bidaah**

Perbincangan bidaah adalah sesuatu yang tidak asing lagi pada perbincangan para sarjana dan ulama Islam termasuk Said Nursi. Bidaah menurut Said Nursi adalah tindakan mengada-adakan sesuatu dalam urusan ibadah (Nursi, 2018). Jika diperhalusi kenyataannya ini, dapat dikatakan ia adalah sejajar dengan pandangan-pandangan ulama Islam terdahulu yang lain. Antaranya ialah Imam Asy-Syatibi dalam kitabnya *al-I'tisham* seperti yang dinukilkan oleh Ihsan Ilahi dengan berkata, “Bid’ah merupakan kata lain daripada cara beragama yang diciptakan untuk menyaingi agama dan berlebih-lebihan dalam beribadah kepada Allah SWT. Yang dimaksudkan dengan menyaingi agama ialah cara beragama tersebut menyerupai jalan agama, padahal hakikatnya tidak sama, bahkan bertentangan dengannya dalam berbagai aspek” (Ihsan, 2018).

Menurut Yazid bin Abdul Qadir Jawas dalam kitab “Syarah ‘Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama’ah” pula, “Bid’ah dari segi bahasa merujuk kepada sesuatu yang baharu dalam agama setelah agama ini telah sempurna dan sesuatu yang diada-adakan setelah kewafatan nabi Muhammad berbentuk

kehendak nafsu dan amal perbuatan.” Beliau turut memuatkan beberapa pandangan tokoh besar Islam seperti Imam Ibnu Taimiyah, Imam al-Syatibi (m. 790 H) dan Imam al-Hafizh Ibnu Rajab al-Hanbali (m. 795 H). Berkata Ibnu Taimiyah, “Bid’ah dalam Islam adalah segala yang tidak disyariatkan oleh Allah dan rasul-Nya, iaitu yang tidak diperintahkan baik dalam perintah wajib atau berbentuk anjuran (saranan).” Yazid mengulas kenyataan ini dengan maksud hukum asal daripada ibadah adalah dilarang atau tidak diperbolehkan kecuali padanya terdapat syariat yang ditentukan oleh Allah. Namun begitu, sesuatu yang berunsur keduniaan (bukan ibadah) adalah dibolehkan kecuali yang dilarang oleh Allah. Yazid turut membawa pandangan Imam al-Syatibi berkaitan pengertian bidaah ini dengan menyatakan “Bidaah adalah cara baharu dalam agama yang dibuat menyerupai syariat dengan maksud untuk berlebih-lebihan dalam beribadah kepada Allah.” “Cara baharu” menurut Yazid adalah dengan menyandarkan perbuatannya kepada agama seperti dalam syariat, ada pun “menyerupai syariat” adalah penegasan ia sesuatu yang diada-adakan dalam agama, bahkan bertentangan dengan syariat seperti mengharuskan cara dan bentuk tertentu. Ada pun dimaksudkan bid’ah ini menurut al-Hanbali ialah “Yang tidak memiliki dasar hukum dalam ajaran syariat yang menunjukkan kesahihannya” (Yazid, 2006).

Bidaah ini dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu bidaah *haqiqiyah* dan bid’ah *idhafiyyah*. Bidaah *haqiqiyah* merupakan bentuk mengada-adakan sesuatu yang tidak mempunyai perkaitan dengan syariat dalam ajaran Islam sama ada dalam al-Quran, al-Sunnah dan ijmak ulama seperti penafian sifat-sifat Allah dalam pemikiran Jahmiyyah. Begitu juga pada pemikiran Qadariyah dan Murji’ah yang telah mengada-adakan sesuatu yang tiada dalam pendalilan Baginda nabi mahupun para sahabatnya. Bid’ah *idhafiyyah* pula adalah mengada-adakan sesuatu dalam syariat, sama ada mempunyai dalil tetapi bukan pada kafiati pengamalannya atau tidak mempunyai kaitan dengan sandaran. Pada pembahagian bidaah ini, kebanyakannya berlaku pada sudut ibadah (Yazid, 2006).

Walaupun tiada secara jelas perincian yang dibuat oleh Said Nursi berkaitan bidaah ini, tetapi pendiriannya terhadap pemikiran-pemikiran bidaah *haqiqiyah* seperti Qadariyah menurut beliau merupakan sebuah pemikiran yang sesat yang telah muncul sejak zaman para sahabat dan



ditolak aliran ahlu sunnah (kerana menafikan *al-qadr* Allah terhadap manusia). Said Nursi mengukuhkan lagi kenyataannya ini dengan membawa hadis nabi berkaitan Qadariyah merupakan majusi dalam umat (Nursi, 2014b; Mohd Safri *et al.*, 2017). Adapun berkaitan dengan bid'ah *idhafiyyah* pula, pada huraian sunnah menurut Said Nursi memperlihatkan terdapat perkaitan dengan pembahagian bidaah ini. Dalam kitab al-Lama'at daripada *Risalah al-Nur*; Said Nursi telah menyatakan sunah terbahagi kepada tiga bentuk iaitu perkataan, perbuatan dan keadaan (nabi). Daripada sumber ini pula terbahagi kepada tiga bahagian (tuntutan) iaitu wajib, sunah dan adat. Pembagian pertama ialah sunah wajib merupakan perkara yang melibatkan syariat. Sunah ini harus diikuti dan meninggalkannya akan menempah azab (kemurkaan Allah) dan hukuman dari-Nya. Kedua, sunah bersifat sunah pula diertikan dengan perkara yang melibatkan ibadah. Tuntutan terhadap sunah ini merupakan pilihan namun ia adalah galakan kepada mukmin. Meninggalkannya pula tidak berdosa tetapi mengubah atau menggantikannya merupakan bidaah, kesesatan dan kesalahan besar. Ketiga, sunah adat yang terdiri daripada kebiasaan, pergerakan dan perkara yang didiamkan oleh Rasulullah. Tidak mengikuti sunah ini tidak menjejaskan apa-apa nilai namun mengikutinya sangat baik kerana mampu mengubah nilai adat menjadi ibadah. Menurutnya lagi, setiap yang dilakukan itu pasti mempunyai hikmah dan manfaat yang besar (Nursi, 2018).

Selain itu, fahaman perbuatan makhluk mengikut kehendaknya tanpa keperluan panduan dari ketetapan Allah dapat dilihat melalui pendirian Said Nursi terhadap pemikiran Muktaizilah termasuk perihal pelaksanaan ibadat. Said Nursi berpandangan kaedah yang digunakan oleh mereka ini tidak selari dengan aliran ahlu al-Sunnah di mana panduan dari ketetapan Allah adalah satu keperluan. Oleh itu, Said Nursi menyifatkan mereka sebagai aliran yang beralih arah daripada kebenaran (Mohd Safri *et al.*, 2017) Berdasarkan perbincangan ini, dapat difahami bahawa Said Nursi secara jelas menegaskan ibadat yang dilakukan tanpa sandaran mampu membawa seseorang itu kepada bidaah dan kesesatan.

Di samping itu, dalam risalah “Kumpulan Mukjizat Nabi Muhammad SAW” daripada himpunan *Risalah al-Nur* telah memperlihatkan mementingkan penekanan ilmu hadis pada perkara-perkara yang berkaitan

dengan Nabi Muhammad seperti kepentingan sanad dalam periwayatan dengan mengutamakan *mutawatir* (yang banyak). Adapun berkaitan dengan periwayatan perseorangan (*ahad*), adalah penting untuk melihat kepada syarat yang menepati hadis *mutawatir* seperti yang terdapat dalam kitab imam hadis enam, terutamanya Imam Bukhari dan Imam Muslim kerana keahliannya (dalam ilmu hadis) (Nursi, 2014b). Oleh itu, adalah menjadikan tanggungjawab kita untuk mengambilnya (hadis) dari sumber yang sahih dan benar daripada mereka (orang-orang) yang beramanah (dalam ilmunya) (Nursi, 2014b). Pada sudut lain, ketegasan Said Nursi terhadap kepentingan sunah nabi memperlihatkan sikap pengamalan beragama harus berpandukan sandaran yang benar. Tambahnya lagi, “Mengikuti sunnah dalam keadaan (bid’ah tersebar luas) mempunyai nilai yang lebih tinggi dan istimewa lagi-lagi ketika umat berada dalam kerosakan” (Nursi, 2018). Ringkasnya dalam perbincangan ini, pengamalan agama haruslah bertepatan dengan sandaran sumber yang tepat. Oleh itu, solusi kepada permasalahan ini adalah dengan kembali berpandukan al-Quran dan al-Sunnah kerana ia merupakan satu penyelesaian bagi manusia yang selamat.

### **Penerimaan terhadap Perselisihan (*Ikhtilaf*)**

Pendekatan *mujadalah* tidak asing pada kehidupan Said Nursi. Hal ini sekaligus memberi gambaran bahawa ia merupakan cerminan Said Nursi menghormati perbezaan pandangan termasuk hal berkaitan agama (Khoirul, 2016). Pada pandangan Said Nursi dalam risalah Khutbah Syamiyah daripada *Risalah al-Nur*, punca berlakunya perselisihan hanyalah berkaitan perkara-perkara tertentu yang remeh. Oleh itu, sesuatu yang tidak wajar berlaku terhadap Muslim ialah memendam permusuhan sesama Muslim. Hal ini demikian kerana ia merupakan satu kesalahan yang bertentangan dengan keimanan, keislaman dan kemanusiaan (Nursi, 2014a). Perkara ini dilihat bertepatan pendapat Mohamad Zaidin, Mustafa Hassan dan Sofiyuddin (2017) dengan menyatakan sikap tegas Said Nursi menolak sikap suka kepada permusuhan (konflik) kerana ia merupakan punca kepada kemunduran pemikiran manusia, umat menjadi lemah yang sekaligus membuka ruang kepada pihak musuh dan punca utama kepada perkembangan peradaban Islam. Oleh itu, menurut Said Nursi seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Faiz (2016), terdapat lima prinsip bagi

membentuk sebuah kehidupan sosial yang sejahtera dan terhindar daripada kekacauan dan perpecahan. Pertama, wujudnya saling menghormati; kedua, rasa kasih sayang; ketiga, menghormati perlembagaan dan menghindari hal yang ditegah dalam syariat; keempat, membangun keamanan bersama; dan kelima, menghindari pengamalan anarki (tidak ada undang-undang) dan patuh terhadap peraturan.

Pada hemat Said Nursi, kepelbagaian kelompok atau kumpulan tidak akan mewujudkan perselisihan antara kumpulan sekiranya masing-masing menjaga adab dalam kepelbagaian. Untuk itu, Said Nursi telah meletakkan tiga panduan bagi permasalahan kepelbagaian. Pertama, harus menjauhi permusuhan dengan menghindari dengki, persaingan dan perdebatan dalam urusan akhirat. Kedua, membina kekuatan antara kumpulan melalui cinta (kasih sayang) dan pengabdian kepada agama dengan menjaga keluhuran negara dan kebebasan *syar'i* di samping berusaha tidak merendahkan kumpulan lain. Ketiga, tujuan kumpulan Islam tidak lain hanyalah untuk melaksanakan tuntutan menegakkan tauhid (Nursi, 2014a).

Hal ini sekali lagi dapat dilihat melalui perselisihan antara tokoh besar di Turki, Mustafa Sabri (yang mewakili tokoh pemikiran Islam ahlu al-Sunnah) dan Musa Bakuf (yang mewakili tokoh pemikiran Islam liberal) tentang fahaman Ibn Arabi, Said Nursi menyifatkan mereka sebagai ekstrem (keterlaluan) dalam membuat penilaian mengikut fahaman masing-masing. Hal ini demikian kerana wujudnya sikap berlebihan dalam sesuatu pegangan di mana Mustafa Sabri dilihat berlebihan dalam menolak Ibn 'Arabi walaupun diterima hujahnya, manakala Musa Bakuf pula berlebihan dalam menerima Ibn 'Arabi. Pada hematnya, walaupun Ibn 'Arabi merupakan seorang yang mendapat petunjuk dan diterima (keilmuan hanya pada dirinya) tetapi bukan pada keseluruhan pemikirannya dalam mengangkat sebagai seorang mursyid, pembimbing dan teladan. Hal ini disebabkan terdapat beberapa perkara dalam pemikirannya yang bercanggah dengan Islam. Namun, pada masa yang sama menghukum kafir dan sesat pada seseorang yang berbeza pandangan adalah tidak dibenarkan. Katanya, "Boleh jadi seorang zahirnya sebuah ucapan menunjukkan (seakan kepada) kekufuran namun si penutur tidak kafir". Walau bagaimanapun, langkah terbaik adalah dengan menutup pintu fitnah melalui tidak membuka peluang pembacaan buku-buku Ibn

Arabi terutama berkaitan *wahdat al-wujud* kepada masyarakat umum kerana ia sangat bahaya pada pemikiran (Nursi, 2018).

Selain itu, peristiwa perdebatan berkaitan hadis nabi tentang Nabi Musa memukul mata malaikat Izrail pada pandangannya memerlukan seseorang Muslim itu menyandarkan dan meyakini pada hadis yang disepakati oleh Imam Bukhari dan Muslim walaupun ia bersifat *mutasyabihat* (samar). Daripada itu, Said Nursi telah meletakkan panduan dalam perdebatan pada perkara yang diselisihi. Pertama, harus dalam keadaan tenang dan berobjektif; kedua, bertujuan mencari kebenaran; ketiga, tidak boleh bersikap keras kepala; keempat, melibatkan ahli dalam bidangnya; dan kelima, bukan untuk menonjolkan kekeliruan (Nursi, 2017). Menurut Said Nursi dalam memahami ayat *mutasyabihat* dalam al-Quran mahupun hadis terdiri daripada dua, sama ada memerlukan kepada *takwil* (keterangan) atau menuntut menerima secara mutlak (Nursi, 2016). Berdasarkan dua peristiwa perselisihan tersebut telah memperlihatkan pendekatan yang diambil oleh Said Nursi adalah dengan menerapkan nilai keharmonian daripada perbahasan yang mampu membawa kepada perpecahan.

Hal ini bertepatan dengan pandangan (Mohamad Zaidin *et al.*, 2017) bahawa pendekatan yang dilakukan oleh Said Nursi adalah mendukung nilai ‘membina’ (kerahmatan). Buktinya, himpunan *Risalah al-Nur* telah mengetengahkan kaedah ‘dialog yang memuaskan’, iaitu perbincangan yang membina keharmonian dalam memurnikan hubungan perselisihan pendapat. Hal ini turut bertepatan dengan sabda Nabi bermaksud, “perselisihan umatku adalah rahmat”. Oleh itu, Said Nursi telah meletakkan garis panduan agar tujuan kerahmatan ini dapat digarap pada setiap perbincangan. Hematnya, nilai ini mampu diperolehi sekiranya berlaku apabila mempromosikan pendiriannya dan menzahirkan kebenaran pandangannya tanpa merendahkan orang lain atau mencela pandangan tersebut kerana proses nilai ini terbentuk apabila perbincangan yang dijalankan adalah untuk menyempurnakan kelemahan dan membaiki kelemahan pandangan yang lain dengan cara yang baik.

## **Pemurnian Tauhid dalam Pemikiran Dakwah Said Nursi**

Penyelesaian terhadap permasalahan yang timbul berkaitan tauhid harus kembali kepada sandaran yang menjadi sumber ketauhidan. Oleh itu, penulis mendapati Said Nursi telah menawarkan penyelesaian bagi permasalahan yang timbul ini dengan pendekatan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini bertepatan dengan pandangan Said Nursi dalam kitabnya al-Lama'at yang menyatakan prinsip-prinsip persoalan syariat (Islam) dan sunah merupakan rawatan paling berkesan untuk penyakit rohani, mental dan hati yang merupakan elemen penting dalam aspek sosial masyarakat (Nursi, 2018). Keyakinan Said Nursi terhadap penyelesaian ini merupakan sebuah asas kesempurnaan, kemajuan dan peradaban yang mampu mengeluarkan manusia daripada kejahilan, sekali gus mewujudkan kepimpinan dunia berlandaskan Islam pada masa hadapan (Nursi, 2020).

Himpunan daripada kitab-kitabnya yang dinamakan *Risalah al-Nur* merupakan sebuah manifestasi usaha Said Nursi membentuk keperibadian dan teologi berasaskan iman dan al-Quran. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana Said Nursi telah meletakkan karyanya sebagai sebuah dasar pengabdian kepada Allah. Keupayaan pendekatan yang digunakan padanya pula (dengan penghujahan dan pujukan) berpandukan sandaran yang kuat (al-Quran) berserta logik (ilmu pengetahuan) telah berjaya menonjolkan kebenaran Islam dan kemukjizatan al-Quran (Nursi, 2020). Di samping itu, beliau turut meletakkan kepentingan sunah sebagai pedoman kehidupan. Menurutnya, kelompok yang sesat adalah mereka yang berada dalam persoalan batin (memahami akidah secara salah) tanpa menyandarkannya dengan sunah nabi. Oleh itu, mereka terdorong kepada pelbagai perkara bidaah dan kesesatan (Nursi, 2014c). Hal ini dikukuhkan lagi dengan pandangan Said Nursi bahawa mengikuti sunah nabi merupakan tanda aras kecintaan kepada Allah dan beruntung kepada mereka yang mengikutinya. Namun, kepada mereka yang tidak menghargai sunah nabi kemudiannya terlibat dalam perkara bidaah merupakan sebuah musibah (Nursi, 2018). Dapat difahami pendekatan al-Quran harus diiringi dan disepadukan dengan pendekatan sunah agar panduan kehidupan manusia berada pada landasan yang benar.

Begitu juga pada permasalahan pengaruh luar seperti falsafah dan tasawuf. Pendirian Said Nursi terhadap perkara itu adalah dengan bersikap menolak sekiranya bercanggah dengan Islam seperti pada perbincangan sebelum ini seperti fahaman *Wahdat al-Wujud* dan persoalan kenabian. Walaupun Said Nursi dilihat lantang mengkritik golongan falsafah dan aliran tasawuf, hakikatnya kritikan tersebut hanya berkaitan dengan perkara yang berkenaan dengan teologi yang menyimpang. Hal ini dibuktikan melalui penerimaannya terhadap sumbangan ahli falsafah (dalam bidang keilmuan sains moden seperti matematik, geografi, sains dan lain-lain) dengan menjadikan alat kemajuan umat bahkan turut mengkritik golongan Ilmu Kalam yang menolak fakta sains daripada ahli falsafah tanpa penghujahan. Said Nursi tegas berpendapat pendidikan umat memerlukan kepada kesepaduan ilmu antara agama dan sains moden (Muaz *et al.*, 2018). Hal ini demikian kerana keterbatasan ilmu pengetahuan manusia dalam memahami keseluruhan hakikat yang ada padanya (al-Quran) menuntut menyandarkan kepada pengetahuan yang luas dan meliputi segala sesuatu iaitu Allah (Nursi, 2014c).

Adapun berkaitan dengan pendiriannya terhadap tasawuf, ia hanyalah sebuah jalan mencapai hakikat pengabdian kepada Tuhan. Walaupun tidak dinafikan Said Nursi mendapat pengaruh yang kuat daripada ahli sufi tarekat seperti al-Qadiriyyah dan al-Naqsyabandiyah, tetapi beliau tidak menunjukkan keterikatan kepada mana-mana tarekat dari segi pengamalan khusus walaupun terdapat beberapa perkara seakan pengamal tarekat seperti gemar beruzlah, bertafakur dan makan sekadar kecukupan (Abdul Rahman, 2019). Justeru, Said Nursi telah memberi peringatan kepada ahli tarekat agar pengamalannya harus selari dengan sunah nabi, tidak melampau (*ghuluw*) atau berlebihan serta meyakini tiada yang mampu menandingi darjat kemuliaan para nabi. Pada pada masa yang sama, Said Nursi berpandangan zaman sekarang bukan lagi zaman tarekat tetapi keutamaan pada zaman ini ialah selari dengan dakwah para nabi (Muaz *et al.*, 2018). Perumpamaannya dalam kitab al-Maktubat;

“Seseorang yang tidak beriman tidak akan memasuki Syurga, tetapi ramai yang akan pergi ke sana tanpa tasawuf. Manusia tidak boleh hidup tanpa roti, tetapi dia boleh hidup tanpa buah. Tasawuf adalah

buah, manakala hakikat Islam (iman) adalah rezeki asas.” (Nursi, 2017: 32; Mohamad Zaidin, 2003: 78; Muaz *et al.*, 2018: 50)

Pada perkara ini, Said Nursi dilihat sependapat dengan Syaikh Ahmad al-Sirhindi (1564–1624 M) pada beberapa perkara seperti kritiknya terhadap pengamal tarekat (ahli sufi) yang ekstrem beramal seperti yang dinyatakan oleh Muaz. Al-Sirhindi dengan tegas menyatakan peringkat tertinggi dalam kesucian jiwa hanya dimiliki oleh kenabian dan tidak sama sekali dimiliki oleh manusia termasuk ahli tasawuf. Al-Sirhindi turut mengkritik konsep *Wahdat al-Wujud* Ibn ‘Arabi. Selain itu, al-Sirhindi mengkritik perkara-perkara bidaah yang bercanggah dengan sunah dalam golongan sufi (Muaz *et al.*, 2018). Hal ini bertepatan dengan pandangan Abdul Rahman yang menyifatkan al-Sirhindi sebagai seorang reformis yang menentang unsur-unsur bidaah dan khurafat dalam ilmu tasawuf terutamanya konsep *Wahdat al-Wujud* (Abdul Rahman, 2019). Adapun jalan memahami ketuhanan melalui *Wahdat al-Syuhud* yang merujuk Tuhan terlihat pada semua benda atau kata lainnya merupakan penyaksian Tuhan melalui segala ciptaan-Nya, jalan tersebut menurutnya merupakan jalan pilihan mereka yang mendapat kesedaran dan hidayah (Nursi, 2018). Walau bagaimanapun, Said Nursi telah memperkenalkan jalan tasawuf dengan konsep tersendiri yang sederhana berpandukan pedoman daripada hakikat al-Quran dengan empat langkah iaitu ketidakberdayaan, kefakiran, kasih sayang dan tafakur. Jalan tersebut merupakan jalan yang tidak terbatas kepada tuntutan di luar kemampuan manusia dan lebih selamat berbanding jalan *Wahdat al-Wujud* dengan fahaman “tiada yang ada kecuali Dia” dan *Wahdat al-Syuhud* dengan fahaman “tiada yang terlihat kecuali Dia” (Nursi, 2017). Hal ini dapat difahami bahawa jalan yang diperkenalkan oleh Said Nursi tersebut lebih universal dan tidak kompleks.

Di samping itu, Said Nursi telah menunjukkan kepentingan fiqh keutamaan (*awlawiyat*) mengikut peredaran zaman. Baginya, perkara yang lebih utama diamalkan ialah amalan-amalan yang mempunyai sandaran sunah nabi. Tambahnannya, perkara yang lebih utama daripada permasalahan tasawuf ini ialah keutamaan untuk melaksanakan usaha pemurnian tauhid dengan pemantapan akidah (Muaz *et al.*, 2018). Menurut Said Nursi, usaha menghidupkan sunah nabi adalah lebih penting daripada mengamalkan 1,000

adab yang terdapat dalam tasawuf (tarekat) (Shahriza & Hadzrullatfi, 2018). Dalam *al-Maktubat*, Said Nursi telah menegaskan sekiranya ulama-ulama sufi (tarekat) terdahulu seperti ‘Abd al-Qadir al-Jailani (pengasas tarekat al-Qadiriryyah, 1078–1166 M), Baha al-Din Muhammad Naqshabandi (pengasas tarekat Naqshabandiyyah, 1318–1389 M), Imam Rabbani (al-Sirhindi) dan lain-lain masih hidup pasti mereka akan mengutamakan usaha memimpin iman daripada amalan-amalan tarekat itu sendiri (Nursi, 2017; Shahriza & Hadzrullatfi, 2018). Daripada tawaran penyelesaian Said Nursi terhadap permasalahan yang timbul, jelas menunjukkan pemikiran Said Nursi terhadap agama bukannya sekadar memeluk agama (*having religion*) tetapi harus difahami dengan cara menghayati nilai (*being religion*) (Khoirul, 2016).

## KESIMPULAN

Pemurnian tauhid yang dilakukan oleh Badiuzzaman Said Nursi merupakan satu tuntutan dakwah bagi menyelesaikan permasalahan tauhid umat dalam teologi dan pengamalan spiritual (kerohanian) umat Islam. Hal ini kerana kunci penyelesaian kepada permasalahan yang timbul seperti aspek pemikiran falsafah radikal, tasawuf melampau, amalan bidaah dan perselisihan adalah dengan merujuk semula panduan yang bersifat sandaran langsung dengan ajaran Islam melalui pedoman nabi Muhammad. Oleh itu, Badiuzzaman Said Nursi telah memberi mesej yang jelas bahawa aspek-aspek berkaitan pengamalan dan ajaran Islam harus dipimpin oleh al-Quran dan al-Sunnah. Pada masa yang sama, Badiuzzaman Said Nursi memperlihatkan bahawa kepentingan kesederhanaan dalam aspek pengamalan dan ajaran agama serta keharusan menguasai fiqh keutamaan dalam melaksanakan tuntutan dakwah kepada masyarakat.

## NOTA

<sup>1</sup> “William Ewart Gladstone”. Dipetik daripada Encyclopædia Britannica: <https://www.britannica.com/biography/William-Ewart-Gladstone> pada 1 Oktober 2020.

<sup>2</sup> “We cannot rule over the Muslim as long as this Quran remains in their hands; we must do everything possible to remove the Quran away from Muslims, or alienate them against the Quran.” Rujuk juga Taha Karaca (2011: 18) dalam Yildizeli (2016: 24).

<sup>3</sup> “Kemal Atatürk”. Dipetik daripada Encyclopædia Britannica: <https://www.britannica.com/biography/Kemal-Ataturk> pada 1 Oktober 2020.



- <sup>4</sup> Sir William Jones (1746–1794 M) merupakan seorang Orientalis terkemuka Inggeris (British). Beliau juga pengguna pertama *Sufism* dalam kalangan orientalis melalui karya keserjanaan berjudul *On the Mystical Poetry of the Persians and Hindus* (Ismail, 2020: 60). Rujuk juga “Sir William Jones”. Dipetik daripada Encyclopædia Britannica: <https://www.britannica.com/biography/William-Jones-British-orientalist-and-jurist> pada 1 Oktober 2020.
- <sup>5</sup> Sejenis kain bertekstur kasar berwarna putih yang sering dipakai oleh ahli sufi. Kain tersebut merupakan simbolik kepada sifat kesederhanaan dan kemiskinan yang sinonim dengan sifat-sifat ahli sufi.
- <sup>6</sup> *Wahdat al-Wujud* merupakan fahaman yang merujuk kepada sebuah perbahasan ketuhanan melalui falsafah sehingga menimbulkan kekeliruan dalam memahaminya seperti konsep *hulul* (penyatuan Tuhan dengan manusia) yang diperkenalkan oleh al-Hallaj (m. 308 H). Fahaman ini popular dikaitkan dengan Ibn Arabi (m. 638 H/ 1240 M) sebagai tokoh yang mengembangkan fahaman tersebut kerana penulisannya dalam *Fusus al-Hikam* dan *al-Futuhat al-Makkiyah* telah menggambarkan pemikiran dan ajaran *Wahdat al-Wujud*. Antara tokoh yang menentang fahaman tersebut ialah Jalaluddin al-Suyuti, al-Ghazali, al-Qadi Iyad, Abu Bakar al-Hisni dan al-Sarraj, Ibn Taimiyah, Ibn Qayyim al-Jauziyah, al-Taftazani dan Ibrahim al-Biqā’i (Faiz & Ibnor, 2016).
- <sup>7</sup> Muktazilah merupakan sebuah aliran yang telah diasaskan oleh Abu Huzaifah Wasil bin ‘Ata (80–131 H) dengan menggunakan metode mengutamakan rasional akal (dalil ‘aqliyah) berbanding teks al-Quran dan al-Hadith kerana berkeyakinan isu akidah mampu diselesaikan dengan kewibawaan akal. Antara tokoh popular menentang aliran tersebut ialah Abu Hasan al-Asy’ari (260–330 H) yang sebelumnya telah berada dalam aliran tersebut selama 40 tahun (Aizam, 2013).

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, H. (2019). *Ensiklopedia Sejarah Turki, Jilid 3*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- Aizam M., M. (2013). *Diskusi isu aqidah & pemikiran semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Attas, S. M. (2020). *Islam dan sekularisme*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS).
- Alkan, J. (2016). Eksistensi Tuhan menurut Said Nursi. *Manthiq: Jurnal Filsafat Agama dan Pemikiran Islam*, 1(1), 35–42.
- Asrie S. M. (2018). *Evolusi gerakan penyelewengan dalam Islam*. Rawang: Karya PiS Sdn. Bhd.
- Faiz, M. (2016). Konsep integrasi sosial: Kajian pemikiran Said Nursi. *AKADEMIKA*, 21(2), 213–228.
- Faiz K., M., & Ibnor, A. I. (2016). Wahdat al-Wujud dan kewalian menurut Said Nursi menerusi karyanya Risale-i Nur. *Jurnal Hadhari*, 8(2), 245–258.
- Hasrul, S., Muhammad Rashidi, W., & Mohd Shaifulbahri, A. (2018). Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dalam aspek akidah. Dlm. Rahimah, A. Fadzli, M. Mohamad Zaidin, & M. L. Hanif (Ed.). *Badiuzzaman Said Nursi: Penerus Peradaban Insan*.

- Ihsan, I. (2018). *Ajaran salah dalam tarekat*. Syihabudin Ahmad (Terj.). Selangor: Santai Ilmu Publication.
- Ismail, A. (2020). *Tasawuf dan tragedi: Kritik kebudayaan perspektif Syed Muhammad Naqib Al-Attas*. Yogyakarta: Yayasan Bentala Tamaddun Nusantara.
- Khalis I., M., & Roslan, M., M. N. (2018). Perkembangan Islam di Turki menerusi pendekatan politik: Satu soroton sejarah. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 5(2), 17–34.
- Khoirul, M, H. A. (2016). Dakwah lintas iman sebagai upaya harmonisasi agama perspektif Badiuzzaman Said An-Nursi. *Fikrah: Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keagamaan*, 4 (2), 303–318.
- Makmor, T. (2019). *Asas teologi dan falsafah politik Muslim*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muaz, M. N., M. Solahuddin, S., M. Norazri, M. Z., M. Paidi, N., & M. Yusra, A. (2018). Hubungan kenabian dalam disiplin ilmu falsafah dan tasawuf menurut Badiuzzaman Said Nursi. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(1), 42–53.
- Nursi, B. S. (2014a). *Khutbah Syamiyah: Manifesto kebangkitan umat Islam*. (Fauzi Faisal Bahreisy, Terj.) Banten: Risalah Nur Press.
- \_\_\_\_\_. (2014b). *Mukjizat Al-Quran: Ditinjau dari 40 aspek kemukjizatan*. (Fauzi Faisal Bahreisy, Terj.) Jakarta: Risalah Nur Press.
- \_\_\_\_\_. (2014c). *Kumpulan mukjizat Nabi Muhammad SAW*. Fauzi Faisal Bahreisy (Terj.) Banten: Risalah Nur Press.
- \_\_\_\_\_. (2016). *Sunnah nabi: Pedoman hidup Muslim sejati*. (Fauzi Faisal Bahreisy, Terj.) Jakarta: Risalah Nur Press.
- \_\_\_\_\_. (2017). *Al-Maktubat*. Fauzi Faisal Bahreisy (Terj.) Banten: Risalah Nur Press.
- \_\_\_\_\_. (2018). *Al-Lama'at*. Fauzi Faisal Bahreisy & Joko Prayitno (Terj.) Banten: Risalah Nur Press.
- \_\_\_\_\_. (2020). *Biografi Badiuzzaman Said Nursi*. Saifullah Kamilie (Terj.) Banten: Risalah Nur Press.
- Safri, A. M., Rahimah E., Zaidin M. M., Nik Murshidah, N. D., & Berhanundin, A. (2017). Said Nursi's theological thought in the light of Sunni doctrine. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 25(S), 71–78.
- Sakinah, S., & Azwira, A. A. (2011). Konsep Al-Tafsiyah (Pemurnian) akidah dalam sunnah Nabawiyah. *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran*, 483–498.
- Shahriza, M., & S. Hadzrullatfi, S. O. (2018). Tajdid dalam pemikiran Sufi menurut Badiuzzaman Said Nursi. Dlm. Rahimah, A. Fadzli, M. Mohamad Zaidin, & M. L. Hanif (Ed.). *Badiuzzaman Said Nursi: Penerus peradaban insan*. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA.

- Suhayib. (2013). Pemikiran Tasawuf Said Nursi dalam pemberdayaan politik (Al-Tamkin Al-Siyasi) masyarakat Muslim di Turki: Studi atas Kitab Al-Matsnawi An-Nuri). *An-Nida'*, 38 (1), 60–68.
- Wan Rashidah, H. W. (2015). Sketsa pemikiran Badiuzzaman Said Nursi dalam metode da'wah Bi Al-Kitabah: Analisis kitab risalah Al-Nur. *Proceedings of ICIC2015 - International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 634–646.
- Yazid, A. Q. (2006). *Syarah 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah*. Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Yildizeli, F. B. (2016). *W. E. Gladstone and British policy towards the Ottoman Empire*. Tesis PhD (tidak diterbitkan). University of Exeter, Exeter, England.
- Zaidin, M. (2003). *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah perjuangan dan pemikiran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidin M., M., Mustafa Hassan, K., & Sofiyuddin, Y. (2017). Menangani konflik peradaban melalui pintu dialog menurut pemikiran Badiuzzaman Said Nursi. *The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (Islac 2017)*, 1194–1206.

